



KEMENTERIAN KEWANGAN
KOMPLEKS KEMENTERIAN KEWANGAN
NO. 5 PERSIARAN PERDANA
PRESINT 2
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62502 PUTRAJAYA

Tel. : 03-8882 3000
Cabel : TREASURY, KL
Telex : FEDTRY MA 32369
Fax : 03-8882 3893
03-8882 3894
Web : <http://www.treasury.gov.my>

Ruj. Kami : KK/BPB(29.00)3/5/1 Jd. 55 ()

Tarikh : 30 Januari 2018

Y.Bhg Datuk Zainal Abidin bin Abu Hassasn
Timbalan Ketua Setiausaha
(Kewangan dan Pembangunan)
Jabatan Perdana Menteri
Aras 4, Blok B8
Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan
62502 PUTRAJAYA

Y.Bhg Datuk.

CADANGAN PENAMBAHBAIKAN KEPERLUAN KELULUSAN KEMENTERIAN KEWANGAN BAGI PERMOHONAN PERLANJUTAN SEWA RUANG PEJABAT MELEBIHI SEPULUH (10%) DARIPADA KOS SEWAAN SEMASA

Dengan hormat saya merujuk surat Y.Bhg Datuk rujukan BPH.RP.200-3/114-20 (4) bertarikh 07 Disember 2017 mengenai perkara di atas.

2. Kementerian Kewangan telah meneliti permohonan ini dan tiada halangan dengan cadangan penambahbaikan permohonan perlanjutan sewa ruang pejabat iaitu kementerian/jabatan/agensi hendaklah mendapatkan kelulusan Perbendaharaan Malaysia bagi perkara berikut:

- i) Peratus (%) kenalkan kadar perlanjutan sewaan tepat 10% dan ke atas **DAN** jumlah kenaikan dengan nilai tepat RM300 dan ke atas; dan
- ii) Peratus (%) kenaikan 10% serta pada nilai RM300 adalah termasuk kenaikan cukai barang dan perkhidmatan (GST) 6%.

3. Urusetia Jawatankuasa Ruang Pejabat (JRP) dipohon mengambil maklum bahawa sekiranya peratus kenaikan perlanjutan sewaan adalah melebihi 10% tetapi dari segi nilai, jumlah kenaikan adalah di bawah RM300, maka kelulusan Perbendaharaan Malaysia tidak diperlukan. Begitu juga sekiranya peratus kenaikan sewaan adalah kurang daripada 10% tetapi dari segi nilai, jumlah kenaikan adalah melebihi RM300, kelulusan Perbendaharaan Malaysia juga tidak diperlukan.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATUK AHMAD BADRI BIN MOHD ZAHIR)

Pengarah Belanjawan Negara
b.p. Ketua Setiausaha Perbendaharaan
Kementerian Kewangan Malaysia
■ 03-8882-3838

Lampiran A

Peratusan (%) kenaikan kadar sewaan tepat 10% dan ke atas DAN
Jumlah kenaikan dengan nilai tepat RM300 dan ke atas;

Kadar Sewa Semasa (RM)	Kadar Sewa Perlanjutan (RM)	Peratus Kenaikan (%)	Nilai Kenaikan (RM)	10% ke atas & RM300 ke atas	Kelulusan MOF ?
1,000	1,200	20%	200	Peratus >10% Nilai < RM300	Tak Perlu
Peratus kenaikan lebih daripada 10%, tetapi nilai kenaikan kurang RM300. Oleh demikian, kelulusan MOF tidak diperlukan.					
1,000	1,500	50%	500	Peratus >10% Nilai >RM300	Perlu
Peratus kenaikan melebihi 10% DAN nilai kenaikan melebihi RM300. Oleh yang demikian, permohonan perlu dikemukakan kepada MOF					
125,000	130,000	4%	5,000	Peratus < 10% Nilai > RM300	Tak Perlu
Peratus kenaikan kurang daripada 10%, tetapi nilai kenaikan melebihi RM300. Oleh yang demikian, kelulusan MOF tidak diperlukan.					
125,000	140,000	12%	15,000	Peratus > 10% Nilai > RM300	Perlu
Peratus kenaikan melebihi 10% DAN nilai kenaikan melebihi RM300. Oleh yang demikian, kelulusan MOF adalah diperlukan.					